

NUS tawar program Perhubungan Awam baru melalui Coursera

MULAI hari ini, orang ramai boleh mengikuti program Perhubungan Awam bagi Media Digital secara dalam talian selama 16 minggu yang ditawarkan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Program di bawah Jabatan Komunikasi dan Media Baru di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) NUS itu adalah Kursus Dalam Talian Terbuka Besar atau Massive Open Online Course (MOOC) terkini yang akan ditawarkan melalui Coursera, sebuah syarikat pembekal pendidikan dalam talian.

Ia adalah program pengkhususan dalam talian yang pertama seumpama itu ditawarkan secara global melalui Coursera.

Program baru itu diketuai Ketua Jabatan Komunikasi dan Media Baru NUS, Profesor Mohan Dutta, dengan bantuan Penolong Profesor Iccha Basnyat dan Dr Tracy Loh.

Program pensijilan itu memberi penekanan kepada penggunaan media digital dalam aktiviti komunikasi strategik dalam pertubuhan.

Ia akan merangkumi empat kursus – Pengenalan kepada Perhubungan Awam, Penyelidikan Perhubungan Awam, Kempen Perhubungan Awam dan Media Sosial dalam Perhubungan Awam.

Kursus-kursus tersebut boleh juga diambil secara individu untuk mereka yang berminat dalam topik-topik tertentu sahaja.

Maklumat lanjut mengenai program itu boleh didapati melalui www.coursera.org/specializations/public-relations.

Sebelum ini, NUS telah menawarkan dua kursus MOOC melalui Coursera – *Write Like Mozart: An Introduction to Classical Music Composition* dan *Reason and Persuasion: Thinking Through Three Dialogues By Plato*.

Pada 28 September, NUS akan memperkenalkan satu lagi kursus dalam talian di Coursera bertajuk *Superhero Entertainment*, yang akan mengkaji kepentingan sosial dan budaya buku-buku dan filem adiwira komik.